

## ISU DAN CABARAN PENDIDIKAN ISLAM ERA DIGITALISASI MAKLUMAT DAN SOLUSI BERDASARKAN PANDUAN QURAN DAN HADIS

Aini Nasrin binti Adlin  
Universiti Sains Islam Malaysia  
Tel: +60142141062 Email: [aininasreen.an@gmail.com](mailto:aininasreen.an@gmail.com)

Nur Amanina binti Azman  
Universiti Sains Islam Malaysia  
Tel: +601170302741 Email: [noramaninaamanina@gmail.com](mailto:noramaninaamanina@gmail.com)

Syasya Karmila binti Rosli  
Universiti Sains Islam Malaysia  
Tel: +60198063011 Email: [syasyakarmilarosli@gmail.com](mailto:syasyakarmilarosli@gmail.com)

Syed Najihuddin bin Syed Hassan  
Universiti Sains Islam Malaysia  
Tel: +60 11-2639 5798 Email: [syednajihuddin@usim.edu.my](mailto:syednajihuddin@usim.edu.my)

### ABSTRAK

Pendidikan Islam kini menghadapi perubahan yang signifikan selari perkembangan era digitalisasi maklumat. Hal ini membawa kepada pelbagai isu dan cabaran yang memerlukan perhatian daripada pelbagai pihak. Kekurangan pengetahuan dalam kalangan pendidik dan pelajar tentang digitalisasi dalam pendidikan Islam telah menjadi satu permasalahan utama dalam kajian ini. Berdasarkan permasalahan tersebut, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti isu serta cabaran utama yang dihadapi oleh pendidik dan pelajar pada era globalisasi ini. Kajian ini juga bertujuan mencadangkan beberapa kaedah penyelesaian terhadap permasalahan tersebut berasaskan dua sumber utama Islam iaitu Quran dan Sunnah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk menyelidik isu-isu dan cabaran dalam pendidikan Islam di era digitalisasi maklumat. Pendekatan kualitatif digunakan untuk mendapat pemahaman mendalam tentang pandangan dan persepsi melalui kaedah analisis kandungan. Di samping itu pengkaji menganalisis ayat Quran dan hadis yang berkaitan dengan isu perbincangan. Hasil kajian ini mendapati beberapa panduan Quran juga hadis dalam menangani isu dan cabaran ini. Justeru, pendidik dan pelajar boleh mendapatkan panduan yang lebih baik dalam merancang strategi yang lebih efektif terhadap penggunaan teknologi dalam pendidikan Islam dengan melihat kepada keperluan dan halangan yang ada.

*Kata Kunci: Pendidikan Islam, Digitalisasi Maklumat, Quran dan Hadis*

### 1. Pengenalan

Era digitalisasi merupakan era yang penuh dengan cabaran. Kemajuan dalam bidang elektronik dan telekomunikasi merupakan antara faktor perkembangan era digitalisasi yang menyebabkan proses penyebaran maklumat berlaku dengan pantas tanpa ada batasan geografi. Selain itu, perkataan “globalisasi” yang sering dikaitkan dengan proses recolonisation, yang merujuk kepada penjajahan semula Barat terhadap dunia, terutama dunia Islam (Wan Fariza 2009). Hal ini disebabkan oleh tabiat masyarakat moden kontemporari yang bergantung kepada teknologi media dan telekomunikasi yang mempunyai keupayaan untuk melangkau ke segenap penjuru dunia. Perkembangan dan ledakan teknologi ini telah mencetuskan proses transformasi di mana ianya telah melanda seluruh dunia. Saat ini, dunia menyaksikan pertembungan antara dua tamadun, iaitu tamadun Islam dan tamadun Barat. Akibat dari pertembungan ini, tamadun barat dikatakan telah membawa satu tantangan besar bagi dunia khususnya negara-negara Islam yang dinamakan cabaran pendidikan di era digitalisasi (Mardhiah Mamat, 2016).

Era digitalisasi telah menimbulkan pelbagai halangan dan cabaran bagi sistem pendidikan Islam di Malaysia. Pendidikan Islam amat penting untuk mewujudkan muslim yang utuh dan melahirkan

generasi yang bertakwa. Al-Quran dan Hadis adalah asas kepada Risalah Islam yang dibawakan oleh Nabi Muhammad s.a.w, yang mengandungi dasar bagi kehidupan manusia. Walau bagaimanapun, manusia mempunyai ruang untuk melakukan ijtihad agar dapat menyesuaikan perkembangan dan perubahan yang berlaku. Ini menunjukkan bahawa, Islam menggalakkan kebebasan berfikir yang membawa kepada kemajuan. (Amran Mat Arrieffen: 2017). Oleh itu, reformasi pendidikan Islam bertujuan untuk menghidupkan visi pendidikan Islam ke arah yang lebih baik yang dapat meningkatkan kualiti umat Islam di era digitalisasi dengan terus berpandukan kepada al-Quran dan Sunnah sebagai sumber utama pendidikan Islam (M. Ihsan Dacholfany. 2015). Persoalannya sekarang ialah bagaimana pendidikan Islam masa kini dapat menghadapi cabaran di era digitalisasi ini?

## 2. Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif yang berikut:

1. Untuk mengenalpasti isu serta cabaran yang dihadapi oleh pendidik dan pelajar dalam pendidikan Islam pada era globalisasi ini.
2. Untuk mengenal pasti panduan yang terdapat di dalam Quran dan Hadis dalam menangani isu dan cabaran ini.

## 3. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah pendekatan kualitatif bagi mendapatkan pemahaman yang mendalam tentang cabaran dan isu yang dihadapi pelajar dan pendidik dalam pendidikan Islam. Kualitatif bermaksud sesuatu yang berdasarkan kualiti atau mutu dan bukan berasaskan kuantiti (bersifat kuantitatif) (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Pendekatan ini digunakan melalui kaedah kepustakaan dan analisis kandungan kajian-kajian lepas.

## 4. Isu Dan Cabaran Pendidikan Islam Era Digitalisasi Maklumat

Dengan perkembangan arus globalisasi dan teknologi maklumat komunikasi (TMK) pada tahun 60-an, cara komunikasi telah berkembang secara beransur-ansur. Jaringan internet mula menjadi media alternatif untuk menggantikan media arus perdana seperti radio dan televisyen. Internet, atau lebih tepat dikenali sebagai *World Wide Web* (WWW), yang boleh diakses melalui komputer, telah memberi kesan besar kepada evolusi dunia komunikasi, malah dianggap sebagai media baharu yang berkembang pesat. (NurAzween Zakaria & Nidzam Sulaiman, 2008).

Dalam era globalisasi yang didorong oleh pertumbuhan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK), kemajuan dalam bidang pendidikan sangat bergantung kepada pembudayaan dan penguasaan TMK oleh pelajar. Dengan bantuan kemudahan sistem rangkaian, Internet telah menjadi satu penyalur pelbagai sumber maklumat kepada rangkaian komputer di seluruh dunia. Disamping itu, sumber-sumber lain dari seluruh dunia juga dapat dirangkaikan bersama dan menjadi penyumbang dalam membantu menambahkan maklumat-maklumat yang diperlukan. Penggunaan TMK menjadi semakin rancak apabila kemunculan perkhidmatan rangkaian media sosial yang dapat menghubungkan pengguna-pengguna internet di seluruh dunia serta maklumat yang pelbagai di media baharu.

Penggunaan teknologi sememangnya memberi kesan baharu yang lebih baik kepada proses pengajaran dan pembelajaran (P&P). Ia juga akan meningkatkan kelancaran pendidikan dalam semua

bidang, termasuk bidang pendidikan Islam. Antara bahan yang membantu guru dalam usaha mereka untuk menyampaikan pengetahuan dan kemahiran kepada pelajar mereka adalah laman web. Sangat penting untuk diingat bahawa penggunaan teknologi komputer dalam pengajaran dan pembelajaran tidak bertujuan untuk menggantikan tugas guru, sebaliknya ia bertujuan untuk mewujudkan persekitaran pengajaran yang lebih menyeronokkan, produktif dan bermakna (Ab. Halim dan Hanani, 2017).

Media sosial telah digunakan secara meluas oleh generasi muda, menjadikannya cabaran baru dalam pendidikan. Di negara ini, orang ramai menggunakan media sosial yang popular seperti Facebook, Facebook Messenger, YouTube, Instagram, Whatsapp, Telegram, Wechat, Google+, LinkedIn, Skype dan Line. Sama ada di bandar mahupun di luar bandar, pengguna media sosial semakin meningkat di Malaysia. Ini disebabkan oleh fakta bahawa alat mudah alih tanpa wayar seperti broadband, Streamyx, P1 Wimax dan Unifi semakin popular di kalangan orang ramai, yang telah menyebabkan peningkatan dalam bilangan pengguna media sosial di negara ini.

#### **4.1 Penghinaan Terhadap Agama Islam**

Kewujudan media massa terutamanya media baru, telah membolehkan akses kepada pelbagai jenis maklumat dan informasi. Ini telah menyebabkan isu akhlak dan ancaman kepada akidah umat Islam, terutamanya kepada generasi muda yang tidak mempunyai asas Islam yang kukuh (Ab. Halim dan Zarin, 2009). Faktor utama yang menyumbang kepada masalah akidah ialah kekurangan dan keketekan agama. Mereka yang terlibat menyatakan bahawa pemahaman mereka tentang konsep keimanan kepada Allah dan Rasul tidak mencukupi, yang sepatutnya menghalang mereka daripada melakukan kemaksiatan (Norsaleha Mohd Salleh, 2015). Pemahaman yang syumul juga menjadi isu besar. Apakah mereka boleh melihat Islam sebagai agama yang syumul atau sekadar melihat Islam sebagai masyarakat sekular, memahami agama dalam konteks yang sangat terhad? Kegagalan mematuhi segala perintah Allah adalah berasaskan kelemahan atau ketiadaan iman kepada Allah SWT.

Dalam Islam, kehidupan zaman seorang remaja Muslim adalah satu masa yang sangat penting dalam kehidupan mereka kerana mereka telah mula ditaklifkan dengan hukum-hukum Islam. Aliran pemikiran yang salah, kewujudan pelbagai pemikiran moden juga merupakan antara bentuk serangan pemikiran yang boleh merosakkan aspek pemikiran umat Islam. Antara aspek yang mempengaruhi tingkah laku manusia ialah aspek pemikiran. Orang akan bertindak seperti apa yang mereka fikirkan (Mahmood Nazar, 1994). Oleh itu, kita perlu serius memikirkan cara untuk sentiasa proaktif membekalkan umat Islam dengan sumber dan acuan pemikiran yang tepat untuk memastikan mereka mempunyai pemikiran yang betul supaya dapat mencapai objektif dakwah yang dituntut dalam agama Islam. Sebagai contoh, ideologi liberalisme, pluralisme, sekularisme, dan ideologi sesat seperti ISIS dan DAESH menyumbang ancaman terhadap pembentukan kepercayaan yang salah kepada masyarakat, termasuk generasi muda (Ab. Halim, 2016).

Antara faktor yang mungkin mempengaruhi ialah penguasaan bahasa Inggeris, kemudahan ICT, globalisasi dan komunikasi tanpa batasan. Ini termasuk juga ancaman ajaran sesat dan khurafat yang masih berlaku dan memberikan ancaman kepada akidah umat Islam (Kamarul Azmi dan Ab. Halim, 2011). Teknik pendidikan menggunakan teknologi digital pada masa ini tidak dinafikan dapat memberi pendedahan baharu kepada pelajar bagi memupuk kemahiran dalam bidang ICT sekaligus memudahkan sesi pembelajaran antara guru dan pelajar bagi mengakses maklumat yang berkaitan.

Namun, ideologi dan pengaruh barat sangat memberi kesan kepada cara pemikiran generasi zaman moden hanya dengan menggunakan teknologi digital yang sememangnya sedang berkembang pesat.

Terdapat pelbagai isu yang berkaitan agama Islam dipermainkan dalam pelbagai platform media masa kini sebagai contoh, informasi berkaitan ajaran Rasulullah SAW dan hadis baginda dimanipulasi oleh sesetengah musuh Islam untuk mempengaruhi pemikiran dan menghasut untuk menentang ajaran yang sebenar dan perkara itu merupakan satu penghinaan terhadap umat Islam.

#### **4.2 Pembaziran Masa Dalam Penggunaan Teknologi Digital**

Penggunaan teknologi dalam pendidikan Islam telah menjadi satu keperluan di era digital. Walaupun terdapat banyak manfaat yang dibawa oleh teknologi, terdapat juga cabaran signifikan, salah satunya adalah pembaziran masa. Dalam konteks pendidikan Islam, isu ini boleh memberi kesan kepada keberkesanan pembelajaran dan pemahaman pelajar mengenai ilmu agama. Pembaziran masa dalam pendidikan Islam era digital mempunyai beberapa implikasi negatif. Pertama, ia mengurangkan masa yang sepatutnya digunakan untuk memahami dan menguasai ilmu agama. Kedua, ia boleh membawa kepada penurunan dalam prestasi akademik kerana masa yang dihabiskan dengan aktiviti tidak produktif mengurangkan masa belajar yang efektif. Ketiga, pembaziran masa ini boleh menyebabkan pelajar hilang minat dan motivasi untuk belajar, yang seterusnya boleh memberi kesan jangka panjang kepada pencapaian mereka dalam pendidikan Islam (Irfan, Harun, dan Latif, 2023).

Salah satu punca utama pembaziran masa dalam pendidikan Islam menggunakan teknologi adalah gangguan dari kandungan yang tidak relevan. Pelajar yang menggunakan internet untuk mencari maklumat pendidikan sering kali terdedah kepada iklan, video, dan pautan yang menarik tetapi tidak berkaitan dengan pelajaran mereka. Gangguan ini bukan sahaja mengurangkan masa yang digunakan untuk belajar tetapi juga memecahkan fokus pelajar, menjadikan mereka sukar untuk kembali kepada tugas asal. Sebagai contoh, ketika mencari tafsiran ayat-ayat Al-Quran di internet, pelajar mungkin tergoda untuk menonton video yang tidak berkaitan atau membaca artikel yang tidak relevan. Ini bukan sahaja membazirkan masa tetapi juga boleh membawa kepada penurunan kualiti pembelajaran.

Teknologi memerlukan tahap disiplin yang tinggi untuk digunakan secara efektif dalam pendidikan. Tanpa bimbingan yang ketat dan kawalan dari guru atau ibu bapa, pelajar mudah tergelincir dari jadual belajar mereka. Kekurangan disiplin ini menyebabkan mereka menghabiskan masa dengan aktiviti yang tidak produktif, seperti melayari internet tanpa tujuan atau menonton video yang tidak berkaitan dengan pendidikan (Abidin, 2021). Justeru, pelajar mungkin tidak dapat menguasai subjek dengan baik kerana masa yang diperuntukkan untuk belajar digunakan untuk aktiviti lain.

#### **4.3 Status Kesahihan Informasi Yang Diragui**

Di era digital ini, pendidikan Islam telah mengalami transformasi besar melalui penggunaan teknologi. Walau bagaimanapun, cabaran terbesar adalah memastikan kesahihan informasi yang disebarkan melalui platform digital. Status kesahihan informasi ini sering kali diragui, dan ia boleh membawa kesan negatif kepada pemahaman dan pengamalan ajaran Islam oleh pelajar.

Antara cabaran terbesar dalam pendidikan Islam era digitalisasi maklumat adalah penyebaran informasi palsu atau tidak tepat. Internet membolehkan sesiapa sahaja untuk menghasilkan dan menyebarkan kandungan tanpa perlu melalui proses semakan yang ketat. Ini bermakna banyak maklumat yang tersedia di platform digital tidak disahkan kesahihannya. Dalam konteks pendidikan Islam, perkara ini boleh membawa kepada penyebaran ajaran yang tidak betul atau bertentangan dengan prinsip-prinsip Islam yang sebenar (Hambali Jaili & Halimaturradiah Metussin, 2023). Sebagai contoh, terdapat banyak laman web dan media sosial yang mengeluarkan fatwa atau pandangan agama tanpa rujukan yang kukuh dari sumber yang sahih. Pelajar yang terdedah kepada

informasi ini mungkin terkeliru dan mengamalkan ajaran yang salah, yang akhirnya boleh menjejaskan pemahaman dan pengamalan agama mereka.

Platform digital sering kali disalah guna oleh pihak yang mempunyai agenda tertentu untuk menyebarkan informasi yang tidak sahih. Ini termasuklah individu atau kumpulan yang mempunyai tujuan politik atau ideologi tertentu yang bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar. Mereka mungkin menggunakan platform digital untuk menyebarkan propaganda atau ajaran yang menyimpang, yang boleh menjejaskan pemahaman pelajar tentang Islam (Pacific et al., 2020). Contohnya, terdapat laporan tentang laman web dan media sosial yang digunakan untuk menyebarkan ajaran ekstremis yang bertentangan dengan prinsip-prinsip Islam yang sebenar. Pelajar yang terdedah kepada informasi ini mungkin terpengaruh dan mengamalkan ajaran yang salah, yang boleh membawa kepada ekstremisme atau radikalisme.

Implikasinya, kekurangan kesahihan informasi dalam pendidikan Islam era digital mempunyai kesan yang serius. Pertama, ia boleh menyebabkan pelajar menerima dan mengamalkan ajaran yang salah, yang boleh menjejaskan pemahaman dan pengamalan agama mereka. Kedua, ia boleh menyebabkan kekeliruan dan salah faham di kalangan pelajar tentang prinsip-prinsip ajaran Islam yang sebenar. Ketiga, penyebaran informasi yang tidak sahih boleh membawa kepada perpecahan di kalangan umat Islam, kerana pelajar mungkin terpengaruh oleh ajaran yang menyimpang dan bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar.

#### **4.4 Kelunturan Adab Dalam Kalangan Pelajar**

Era globalisasi kini, teknologi dan media sosial menjadi sebahagian besar kehidupan masyarakat dan memainkan peranan penting. Kita mesti memahami bahawa teknologi boleh berfungsi sebagai alat yang berkesan untuk mengajar, tetapi ia juga perlu digabungkan dengan prinsip Islam yang bertujuan untuk mewujudkan individu yang bertanggungjawab dan berdisiplin. Walau bagaimanapun, kesan penggunaan media sosial oleh pelajar tanpa kawalan atau secara bebas akan menjejaskan nilai-nilai akhlak dan adab mereka. Antaranya ialah penggunaan kata yang tidak menyenangkan, hubungan silaturrahim yang semakin renggang, dan hilang fokus semasa belajar (Putri et al., 2016).

Beberapa faktor utama yang boleh menyumbang kepada kelunturan akhlak dan adab semasa menggunakan teknologi untuk pelajaran Pendidikan Islam. Pertama, pelajar mudah tergoda untuk melayari laman web atau aplikasi yang tidak berkaitan dengan pelajaran jika mereka tidak diawasi oleh guru dan ibu bapa mereka. Kedua, gangguan daripada hiburan dalam talian dan media sosial menyebabkan pelajar menjadi tidak fokus dan tidak berminat dengan pelajaran mereka. Ketiga, pelajaran dalam talian mengurangkan interaksi bersemuka yang penting untuk membina disiplin dan adab. Akibatnya, pelajar kurang peka terhadap adab yang seharusnya dipraktikkan sewaktu menuntut ilmu. Keempat, bahasa yang tidak sopan atau singkatan yang tidak sesuai sering digunakan apabila bercakap melalui media digital atau teks. Perkara ini boleh menyebabkan pelajar cenderung kehilangan kehalusan berbahasa ketika berkomunikasi secara bersemuka.

Walaupun revolusi digital telah membawa banyak sumber dan maklumat, pelajar telah didedahkan kepada pelbagai kandungan yang mungkin bercanggah dengan agama Islam. Keupayaan untuk mengakses media digital dan kewujudan teknologi dalam kehidupan seharian telah mengubah cara pelajar berinteraksi dengan guru dan rakan sebaya mereka (Marzuki et al., 2022), serta pelajar berisiko menjadi lebih individualistik dan tidak menghormati guru dan rakan mereka. Kelima, kekurangan pembelajaran adab digital menyebabkan pelajar tidak menyedari pentingnya mengekalkan adab semasa menggunakan teknologi. Akhir sekali, terlalu bergantung kepada teknologi boleh menyebabkan pelajar menjadi malas dan kurang berusaha untuk memahami sesuatu topik

secara mendalam kerana mereka cenderung mencari jawapan segera tanpa melakukan usaha yang betul (Norfarahi et al., 2022).

Era digitalisasi maklumat membawa cabaran yang besar kepada pendidikan Islam, terutamanya berkaitan dengan menjaga akhlak dan adab pelajar. Terdapat keperluan bagi pendekatan pendidikan yang lebih menyeluruh untuk menangani keruntuhan adab yang disebabkan oleh penggunaan teknologi dan media sosial ini. Pendekatan ini akan mengutamakan pembentukan sahsiah dan bukan hanya ilmu pengetahuan semata. Setiap aspek kehidupan, termasuk interaksi digital, mesti diajar kepada pelajar melalui pendidikan Islam. Ini boleh dicapai melalui penggabungan literasi digital yang beretika, pembelajaran berasaskan nilai dan hubungan guru-pelajar yang baik. Dalam pendidikan Islam, guru agama memainkan peranan penting dalam membentuk etika pelajar (Sultan, 2022). Ini membolehkan pelajar menjadi orang yang bukan sahaja berpengetahuan malah juga beradab tinggi dalam dunia yang semakin maju dan berteknologi tinggi.

## 5 Solusi Berdasarkan Panduan Al Quran Dan Hadis

Perkembangan teknologi komunikasi dan Internet telah memberi impak yang besar khususnya kepada umat Islam. Perkembangan teknologi ini juga telah mengubah sepenuhnya landskap persekitaran pendidikan, iaitu cara kita belajar, mengakses maklumat, dan berinteraksi dengan dunia di sekeliling kita. Bagi umat Islam, Al-Quran merupakan kitab terakhir sebagai wahyu yang diberikan Allah SWT kepada nabi terakhir nabi Muhammad SAW. Al-Quran diturunkan untuk membantu umat Islam mengetahui cara menjalani kehidupan yang baik. Selain itu, Al-Quran merupakan petunjuk dan nasihat bagi umat Islam kerana di dalamnya terdapat banyak panduan-panduan kehidupan manusia untuk kesejahteraan dunia dan juga akhirat. Manakala, Hadis pula menggambarkan perkataan, perbuatan atau sifat nabi Muhammad SAW yang boleh kita ikuti dan menjadi suri teladan bagi seluruh umat Islam (Yudi Prayoga, 2023).

Menangani isu-isu kontemporari berkaitan pendidikan Islam di era digitalisasi, al-Quran dan Hadis memberikan jalan penyelesaian yang relevan untuk menangani isu-isu tersebut. Sesungguhnya, Allah telah berfirman, yang bermaksud:

*“Kitab Al-Quran ini tiada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertakwa” (Al-Baqarah: 2).*

Al-Quran menekankan bahawa tujuan hidup seorang Muslim adalah untuk mengingati Allah dalam setiap keadaan dan waktu tidak kira ketika melakukan amalan apa sekalipun. Di dalam surah Al-Imran ayat 191, Allah SWT telah berfirman yang bermaksud:

*“Orang-orang yang mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka memikirkan tentang kejadian langit dan bumi...”*

Di dalam hadis riwayat Al-Bukhari (no. 6407), Rasulullah SAW juga telah bersabda:

*“Perumpamaan mereka yang mengingati Allah SWT dan yang tidak mengingati Allah SWT umpama orang yang hidup dan orang yang mati”*.

Al-Quran juga telah menyediakan garis panduan untuk pertumbuhan dan kesejahteraan diri yang menekankan kepentingan muhasabah diri, pembaikan peribadi dan penjagaan diri sebagai jalan

menuju kedamaian dan kebahagiaan dalaman. Allah berfirman dalam surah Al-Baqarah ayat 222 yang bermaksud:

*“Sesungguhnya Allah mengasihi orang yang banyak bertaubat dan mengasihi orang yang menyucikan diri”.*

Amalan harian secara berterusan seperti amalan sunat dapat mengawal psikologi manusia dan menyempurnakan peningkatan sendiri manusia. Model terapi ini dapat menjadi alternatif yang berkesan untuk mengatasi ketagihan media sosial (Munirah et al, 2023).

Perkembangan kemajuan era digitalisasi menjadikan media sosial antara platform yang penting dalam penyebaran pendidikan Islam. Pada masa kini, konteks maklumat yang pelbagai disediakan melalui saluran komunikasi seperti Internet dan semuanya berada hanyalah di hujung jari. Beberapa platform media sosial yang ramai masyarakat ikuti adalah Facebook, Instagram, dan yang terbaru adalah Tik-Tok. Pendidikan Islam melalui platform ini boleh membawa kepada kesan yang positif dan juga kesan yang negatif jika tidak dikendalikan dengan cara yang betul. Ia menjadi tanggungjawab semua umat Islam untuk sentiasa bertababbayyun bagi memastikan isi kandungan digital pendidikan Islam yang dikongsi atau didengar mempunyai kredibiliti dan kesahihan yang benar. Sebagaimana yang dijelaskan di dalam al-Quran, firmanNya:

*“ Wahai orang-orang yang beriman, jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya ”* (Al-Hujurat: 6).

Dengan kecanggihan teknologi yang menghidangkan pelbagai ilmu hanya di hujung jari, kaedah menuntut ilmu secara menghadap guru semakin tidak dihiraukan. Hal ini kerana, kebanyakan ilmu yang hendak diketahui boleh diakses di pelbagai laman sesawang. Menurut Islam, sanad merupakan perkara yang amat penting. Hal ini kerana sanad adalah rangkaian keilmuan yang menghubungkan keilmuan antara murid dan guru sehingga sampai ke nabi Muhammad SAW. Hanya dengan adanya sanad yang sah, kredibiliti ilmu dapat dipelihara. Dalam mukadimah Sahih Muslim, Abdullah Ibnu Mubarak berkata: *“ Sanad adalah sebahagian daripada agama, tanpa sanad, nescaya sesiapa pun boleh berkata apa sahaja yang dia kehendaki ”*. ini dapat difahami berdasarkan kata-kata Abdullah Ibnu Mubarak, jika seseorang belajar agama tanpa guru atau gurunya itu tidak memiliki sanad yang jelas, maka ia akan menjejaskan kemurnian ajaran Islam. Oleh itu, para pendidik juga pelajar tidak digalakkan mempercayai maklumat tanpa semakan terlebih dahulu (Adawiah Hosni, 2022).

Selain itu, selaras dengan perubahan norma baru yang mengikuti perubahan zaman, para pengguna media sosial juga tidak terlepas untuk memasukkan muzik dalam penyampaian video mereka mengenai pendidikan Islam (Siti Nuroni, 2023). Situasi ini sudah dijelaskan dalam sabda Rasulullah SAW:

Seorang wanita telah datang kepada Nabi SAW, dan Baginda bertanya kepada Aisyah RA: *“Adakah kamu mengenali wanita ini?”* Aisyah menjawab *“Tidak, wahai Nabi Allah”*. Maka Baginda berkata *“Ini penyanyi wanita dari Bani Fulan, adakah kamu suka jika dia menyanyi kepada kamu?”* Aisyah menjawab ya, lalu Nabi SAW memberikan penyanyi tersebut al-Thabqq, lalu dia menyanyi dengannya, Maka Nabi SAW berkata: *“Syaitan telah meniup melalui dua lubang hidungnya”* Musnad Imam Ahmad, (no. 15720)

Selanjutnya, panduan pengurusan masa dengan berkesan juga disediakan di dalam al-Quran. Panduan berharga ini ialah antara kemahiran asas yang perlu ada dalam setiap muslim untuk berjaya dalam dunia yang serba pantas ini. Antara kepentingan pengurusan masa ialah dapat mengutamakan tugas mengikut prioriti, mengelakkan sikap suka menangguhkan kerja, dan memanfaatkan masa lapang dengan perkara berfaedah. Ini dapat dilihat dari firman Allah SWT:

*“Dan janganlah engkau berkata mengenai sesuatu (yang hendak dikerjakan):  
“Bahawa aku akan lakukan yang demikian itu, kemudian nanti”, (Al-Kahfi: 23).*

Dengan berpandukan ajaran Al-Quran tentang cara pengurusan masa, masyarakat Islam dapat belajar bagaimana untuk memperuntukkan masa dengan baik, mengimbangi tanggungjawab dan dapat mengurangkan tekanan.

Secara keseluruhannya, dalam proses pembinaan dan pementapan sistem pendidikan negara, kita mesti melihat kepada sistem yang telah digariskan Rasulullah SAW. Pendidikan yang berteraskan nilai-nilai Islam perlu dijadikan rujukan dalam pementapan sistem pendidikan negara kerana prinsip dan nilainya mampu untuk terus menjadi panduan dan contoh kepada umat Islam dalam mendepani cabaran bidang pendidikan. Dengan penggunaan teknologi digital yang bijaksana, pendidikan Islam dapat terus berkembang dan memberikan manfaat positif. Sesungguhnya, Islam itu sendiri tidak menolak kemajuan. Bahkan, jika kemajuan itu didukung dengan sumber wahyu utama iaitu Al-Quran dan Sunnah ianya mampu mewujudkan masyarakat yang berjaya dalam segala aspek kehidupan walaupun berdasarkan acuan barat. Yang penting adalah kemajuan yang telah dicapai itu dapat mendekatkan diri kepada sang Pencipta dan kemajuan itu mestilah selaras dengan syariat Islam agar mendapat reda daripada Allah SWT (Mardhiah Mamat, 2016).

## **6 Kesimpulan**

Berdasarkan kajian, dapat disimpulkan bahawa kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi memberikan tantangan hebat bagi pendidikan Islam pada zaman ini. Umat Islam perlu bijak mengambil langkah strategis dalam menghadapi cabaran ini. Hal ini kerana, manusia dapat mengakses segala maklumat tanpa adanya tapisan. Hal-hal yang dahulunya taboo sudah menjadi kebiasaan. Dengan norma kehidupan yang kian berubah ini, pembelajaran digital menjadi satu keperluan dalam dunia pendidikan Islam. Oleh itu, untuk mengatasi cabaran-cabaran ini, pendidikan Islam haruslah dititikberatkan dan menjadi fokus utama semua pihak.

Warga pendidik perlu bersedia menangani cabaran penggunaan teknologi dalam pembelajaran digital demi meningkatkan sumber daya manusia menghadapi dunia alaf baru. Pendidik dan pengajar pendidikan Islam juga perlu memanfaatkan teknologi untuk mendukung bidang pendidikan Islam agar mampu berdaya saing di peringkat global. Akhir kata, amat penting bagi umat Islam untuk menanamkan asas Islam yang kukuh dalam diri anak-anak mereka bagi melindungi generasi akan datang dari pengaruh negatif dunia moden dan seterusnya berjaya mengembalikan kegemilangan peradaban Islam.



## 7 Rujukan

Al-Quran Al-Karim

- Abd Razzak, M., Ab. Rahim, N. M. Z., & Mohd Nor, H. (2023, December 30). *Panduan al-Quran dan Hadith Terhadap Generasi Z Bagi Mengatasi Isu dan Cabaran Media Sosial: (Quranic and Hadith Guidance for Generation Z to Overcome Issues and Challenges in Social Media)*. Online Journal of Research in Islamic Studies. <https://ijie.um.edu.my/index.php/RIS/article/view/49071>
- Abidin, Z. (2021). *Peningkatan Mutu Pendidikan Karakter Berbasis Agama, Budaya, Dan Sosiologi*. Al-Afkar, 4(1), 181–202.
- Ab. Halim Tamuri dan Zarin Ismail. 2009. “Hubungan antara pegangan nilai moral dengan media masa: Tinjauan ke atas remaja Melayu luar bandar”. SARI. 27(1): 199-212.
- Angga Marzuki, Moh. Fanshuri Abdillah, Muhammadun Muhammadun, Jauhar Aziziy, Aghust Muhaimin, Agus Dian Alirahman (2022) *Advances in Social Science, Education and Humanities Research/Advances in social science, education and humanities research*. <https://www.atlantis-press.com/proceedings/asbam-21/125973514>
- Hambali Jaili, & Halimaturradiah Metussin. (2023). *CABARAN MEDIA SOSIAL TERHADAP PENDIDIKAN AQIDAH ISLAM*. IJUS | International Journal of Umranic Studies, 6(1), 55–63. <https://doi.org/10.59202/ijus.v6i1.716>
- Hosni, A., Md Ariffin, M. F., & Ishak, H. (2022, December 12). *Isu dan Cabaran ChatGPT Terhadap Pengajian Islam*. Al-Turath: Journal of al-Quran and Al-Sunnah. <https://spaj.ukm.my/jalturath/index.php/jalturath/index>
- Irfan, M., Harun, S., & Dwi Latif, F. (2024, January 5). *Peningkatan Mutu Pendidikan Islam di Era digital: Peluang dan Tantangan*. Gunung Djati Conference Series, Volume 36(2023) <https://conferences.uinsgd.ac.id/index.php/gdcs/article/view/2006/1432>
- Mamat, M., Abdul Razak, K., Aqsha Lubis, M., & Mat Isa, J. (2016, January). *Globalisasi: Cabarannya Terhadap sumber pendidikan islam*. Penerbit UKM, UKM Press. [https://www.researchgate.net/publication/322652984\\_Globalisasi\\_cabarannya\\_terhadap\\_sumber\\_pendidikan\\_Islam](https://www.researchgate.net/publication/322652984_Globalisasi_cabarannya_terhadap_sumber_pendidikan_Islam)
- Mat Arriffen, A. (2017, March 13). *Pendidikan islam menghadapi Cabaran Globalisasi*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia Academia.edu. [https://www.academia.edu/31845950/Pendidikan\\_Islam\\_Menghadapi\\_Cabaran\\_Globalisasi](https://www.academia.edu/31845950/Pendidikan_Islam_Menghadapi_Cabaran_Globalisasi)
- Mohamed, S. N., Mohd Subri, N. S., Muhammad, N. W. F., & Wan Harun, N. (2023). *Peranan Pempengaruh Digital Tiktok Dalam Penyebaran Al-Quran Dan Hadis Kepada Generasi Z: Satu Kajian Naratif. Isu-Isu Pengajian Islam Di Era Globalisasi*. Penerbit FPPI UIS. <https://fpfi.kuis.edu.my/images/buku/isu-isu-kontemporari-dalam-pengajian-islam-ii.pdf>
- Norsaleha Mohd. Salleh. 2015. *Penghayatan akidah, ketenangan hati dan ketenangan rohani pelajar sekolah menengah kebangsaan di Malaysia*. (Tesis Ph.D). Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norfarahin Zulkifli, Zuraidah Ramdzan, Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Mohd Isa Hamzah, Khadijah Abdul Razak, Hafizah Zulkifli (2022). *Moral Values Application in Islamic Education Teaching and Learning through the 2ICE Activities*. <https://www.mdpi.com/2504-3900/82/1/22>
- Nur Azween Zakaria & Nidzam Sulaiman. 2008. *Media Alternatif Sebagai Agen Perluasan Ruang Bersuara Kajian Kes Pilihan Raya Umum Ke-12*. Prosiding Seminar Politik Malaysia. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) Universiti Teknologi MARA.
- Pacific, U. O. J. a. R. B. F. S. I. a. a. T., Ireton, C., & Posetti, J. (2020). *Kewartawanan, ‘Berita Palsu’ & Disinformasi*. UNESCO Publishing. <http://books.google.ie/books?id=2VbjDwAAQBAJ&printsec=frontcover&dq=Kewartawana>

[n,+%E2%80%98Berita+Palsu%E2%80%99+%26+Disinformasi:+Buku+Panduan+untuk+Pe  
ndidikan+dan+Latihan+Kewartawanan&hl=&cd=1&source=gbs\\_api](#)

- Paroya Yudi (2023). *Pentingnya Al-Qur'an dan Hadits Sebagai Perantara Nasihat Bagi Umat Manusia*. NU ONLINE. <https://lampung.nu.or.id/syiar/pentingnya-al-qur-an-dan-haditssebagai-perantara-nasihat-bagi-umat-manusia-gkgB1>
- Putri, Wilga, Nurwati, Nunung & Santos, Meilney. (2016). *Pengaruh Media Sosial Terhadap Prilaku Remaja*. *Prosiding penelitian dan pengabdian kepada Masyarakat*, 3(1), 1-154. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/45207/1/45207.pdf>
- Sultan Sultan (2022). *Discipline of Islamic religious education teachers in the implementation of learning in junior and senior high school students in Sapuka Island*, *International Journal of Science and Research Archive* <https://ijsra.net/content/discipline-islamic-religious-education-teachers-implementation-learning-junior-and-senior>
- Wan Zakaria, W. F. A. (2014, Mei 29). *Malik Bennabi, Dinamisme Tamadun Dan Cabaran Globalisasi era Pasca Kolonial*. *Fakulti Pengajian Islam, UKM. Academia.edu*. [https://www.academia.edu/4083432/Malik\\_Bennabi\\_Dinamisme\\_Tamadun\\_dan\\_Cabaran\\_Globalisasi\\_era\\_pasca\\_Kolonial](https://www.academia.edu/4083432/Malik_Bennabi_Dinamisme_Tamadun_dan_Cabaran_Globalisasi_era_pasca_Kolonial)